

MyTVET@PTS

JULAI - SEPTEMBER 2024 | EDISI KETIGA 2024



**NATIONAL INVENTION &
INNOVATION
COMPETITION
EXHIBITION AND
ROBOT-SUMO 2024**

NICERS' 24

Penganjuran NICERS'24 mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan daripada JPPKK

**POLITEKNIK NEGERI MEDAN
(POLMED): PENGAJARAN
BERTEMAKAN "GLOBAL
DECARBONIZATION"**

Inspirasi kepada pelajar tentang peranan dalam memacu teknologi hijau dan lestari di masa depan

e ISSN 3030-5934



9 773030 593002



SIDANG EDITOR

PENAUNG

Hj. Mohd Ruzi bin
Hamzah
Pengarah PTSB

PENASIHAT

Dr. Mohd Nor Azam bin Mohd Dali
Timbalan Pengarah Akademik PTSB

KETUA EDITOR

Faridah binti Hj Ismail

PEN KETUA EDITOR

Masniza binti Musa

SETIAUSAHA

Myzatul binti Mansor

PEN SETIAUSAHA

Maziah binti Omar

PEREKA GRAFIK DAN SUSUN ATUR

Fazaliana binti Zamzuri

EDITOR

Noor Azilla binti Md Radzi
Noor Azma binti Abu Bakar
Zuraini binti Ibrahim
Suria binti Masnin

FOTOGRAFI

Koleksi daripada PPDM dan pensyarah PTSB

SENARAI PENULIS DAN PENYUMBANG

Nor Farahain binti Dzulkafli - JP
Ts. Faizatulhaida binti Md. Isa - JMSK
Saleha binti Awang Kechik - Uppsi
Selvamalar a/p Selvarajan - JPA
Noraini binti Sulaiman - JPA
Suryani binti Sabri - JPA
Maziah binti Omar - JMSK
Ts. Noorul Amilin binti Saipudin - JMSK
Mohd. Hafis bin Yunus - JMSK
Siti Arfah binti Abd. Jalil - JKM
Raja Intan Zarina binti Raja Zaki Hashim - JKE
Nurul Malihah binti Marzuan - JKE
Roshima binti Baharum - JKE
Nurasykin binti Fazil - JKE
Noor Hazini binti Ab Halim - JP
Norhayati binti Osman - JKA
Azilawati binti Harun - JKA
Maslina binti Suleiman - JKA
Liza Suhana binti Ramli - JKA
Nor Azema binti Adznan - UTMK

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Kulim Hi-Tech Park

09090 Kulim

Kedah Darul Aman

Website: <http://www.ptsb.polycc.edu.my>

No. Tel: 04-4033333

No. Faks: 04-4033033

Buletin ini diterbitkan secara sukuan

(4 kali setahun)

ISI KANDUNGAN

JULAI
2024

- PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH JABATAN KEJURUTERAN MEKANIKAL
- KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI POLITEKNIK NEGERI BALI, INDONESIA KE POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH (PTSB) KULIM KEDAH MALAYSIA
- DUA PESERTA JKA RANGKUL KEJAYAAN DI PERTANDINGAN POLYCCSKILLS 2024
- Program Refleksi Afektif Rasional Emosi (R.A.R.E) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024
- KURSUS ASAS 3D PRINTING
- Program Special Training for Young Leaders (STYLE) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024
- PROGRAM MOBILITI KE BANDA ACEH : UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH ACEH DAN POLITEKNIK KUTARAJA, BANDA ACEH; TANGGUNGJAWAB SOSIAL KOMUNITI KORPORAT (CSR), LKSA RUMAH PENYANTUN MUHAMMADIYAH ACEH DAN DAYAH PASENTREN MUHAMMADIYAH ACEH
- KURSUS ASAS CANVA
- JERAI SKYVIEW EXPLORACE
- SUKAN JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 2024
- ENGLISH@FLASH 2024

OGOS
2024

- MINGGU INDUKSI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (MHS JKE)
- TENDER PENGGANTIAN SISTEM RANGKAIAN KAMPUS - WIRELESS ACCESS POINT (AP) BAGI POLITEKNIK - POLITEKNIK DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
- Kunjungan Pelajar Sekolah SMK Jeneri ke Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
- AKTIVITI BERHARGA DI REDAC: MEMBUKA MINDA PELAJAR TERHADAP ALAM SEKITAR
- MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN JKA SESI 1 2024/2025
- PROGRAM TEAM BUILDING RECHARGE AND RECONNECT (ESC ELECTRICAL STUDENT CLUB)
- Program Hala Tuju Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bersama-sama Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Negeri Kedah Tahun 2024
- CANVA Workshop Bridges the Technology Gap in Education, Strengthening Malaysia-Brunei TVET Collaboration
- MERAIKAN KEJAYAAN TBA-KITS: INOVASI YANG DIKTIRAF
- MAJLIS PERSARAAN STAF JKA
- AKTIVITI PENGAJARAN ALUMNI PENGAMAL INDUSTRI POLITEKNIK NEGERI MEDAN (POLMED) YANG BERTEMAKAN "GLOBAL DECARBONIZATION"

SEPT
2024

- HARI SUKAN JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
- PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BERSAMA TAHFIZ IBNU SINA - ASAS REKABENTUK CANVA DAN CERAMAH MOTIVASI
- Urban Survivor PTSB 2024
- PPI: Pengenalan Dan Aplikasi Motor DC Dan AC Di Industri Bagi Kursus DET30043 Electrical Machine
- PROGRAM MINI KARNIVAL MERDEKA MALAYSIA MADANI JIWA MERDEKA
- Program Motivasi Penguasaan Minda dan Halatuju selepas SPM Sasaran Murid Tingkatan Lima 2024
- TAKLIMAT KESELAMATAN SIBER (JENAYAH SIBER - PERANAN PENGGUNA INTERNET)
- MINI PROJECT CHALLENGE SESI I : 2024/2025
- PROGRAM LONJAKAN PRESTASI PELAJAR JP
- PROGRAM ROAD 2 ULUL ALBAB 2.0
- NATIONAL INVENTION & INNOVATION COMPETITION EXHIBITION AND ROBOT-SUMO 2024 (NICERS'24)
- MECHATRONIC ROBOTIC COMPETITION 2024
- Pameran STEM dan demonstrasi alatan berteknologi di SMK Air Merah 2024
- PROGRAM LIFE AND CAREER PATH

PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH JABATAN KEJURUTERAN MEKANIKAL

Oleh: SITI ARFAH BINTI ABD JALIL

01 Julai 2024 - Program Sangkutan Industri Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara institusi akademik dan industri. Ini memberi peluang kepada pensyarah untuk mendapatkan pendedahan praktikal dan mengintegrasikan pengetahuan industri ke dalam pengajaran dan pembelajaran. Seramai 5 orang pensyarah dari jabatan kejuruteraan Mekanikal telah terlibat selama 1 bulan iaitu bermula 1 Julai 2024 hingga 31 Julai 2024. Di antara syarikat yang terlibat adalah PTime Resources Sdn. Bhd, Kopiah Industry Sdn. Bhd dan juga Kulim Advanced Technologies Sdn. Bhd. (KTechno).

Mereka berpeluang untuk terlibat dalam projek penyelidikan dan pembangunan dengan industri. Selain daripada itu, mereka juga turut berkongsi pengetahuan dan kemahiran terkini dari pakar industri.



Selain daripada itu, budaya kerja swasta juga dapat diterapkan di institusi latihan kemahiran awam supaya pengajar yang terlibat dapat menggunakan pengalaman berharga tersebut di tempat kerja dalam usaha meningkatkan kualiti tenaga mahir yang dikeluarkan.





KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI POLITEKNIK NEGERI BALI, INDONESIA KE POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH

OLEH: NOOR HAZINI BINTI AB HALIM

02 - 03 Julai 2024 – Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) dan Jabatan Perdagangan (JP) telah menerima kunjungan hormat dari delegasi Politeknik Negeri Bali, Indonesia. Kunjungan ini diketuai oleh Ketua Hubungan Antarabangsa dan Kolaborasi, Jeni Susanti, SE, MAGB diikuti oleh Ketua Jurusan Akutansi, Prof. Dr. Dra.Ni Nyoman Aryaningsih, MM dan 2 orang pensyarah dalam bidang manajemen dan kewangan iaitu Dr. Nyoman Sentosa Hardika, SE, AK, MM, CA, BKPA dan Dr. I Nyoman Darmayasa, SE, MAK, MM. Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk memenuhi sebahagian aktiviti “Agreed Minute of Meeting”(AMM) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2019. Sehubungan itu, kunjungan ini diadakan bagi memperbaharui perjanjian kerjasama melalui “Letter of Intent”(LoI). Lawatan ini disambut baik oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA) Dr. Hj. Samsul bin Abd Rashid, Ketua Unit Pengantarabangsaan, Pn Noor Hazini bt Ab Halim serta Ketua-ketua Jabatan Akademik dan Ketua-ketua Unit Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Lawatan delegasi ini diteruskan ke Jabatan Perdagangan, iaitu “Visiting Lecture” t. Pembentangan bertajuk “Accounting and Tax Aspects for Special Relationship Transactions” telah dihadiri oleh 10 orang pensyarah dan 10 orang pelajar dari program Diploma Akauntansi. Seterusnya perbincangan dua hala telah diadakan antara pensyarah Jabatan Perdagangan PTSB bersama delegasi dari Politeknik Negeri Bali (PNB), Indonesia berkaitan penyelidikan bersama yang bertajuk “Digital Tax: A Comparison in ASEAN Countries”. Delegasi telah meneruskan perbincangan dalam aspek peningkatan kemahiran (skills development) dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan seperti lawatan ke makmal Aplikasi Sistem Maklumat Perakaunan “Auto Count”, “Vendor” dan “Industry On Campus”(IOC).

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Unit Pengantarabangsaan (ILU) dan Jabatan Perdagangan di atas kerjasama sepanjang lawatan dengan jayanya. Adalah diharapkan dengan adanya kunjungan hormat dan “Visiting Lecture” seumpama ini boleh dipergiatkan oleh mana-mana institusi pendidikan luar negara yang telah bekerjasama dengan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah .





DUA PESERTA JKA RANGKUL KEJAYAAN DI PERTANDINGAN POLYCCSKILLS 2024

Oleh: MASLINA BINTI SULEIMAN



04 Julai 2024 – PolyCCSkills 2024 menyaksikan kejayaan besar bagi peserta dari Jabatan Kejuruteraan Awam PTSB apabila kedua-dua bidang pertandingan yang dihantar berjaya memenangi pingat emas dan perak sekaligus mewakili PTSB.

Jabatan Kejuruteraan Awam PTSB telah menghantar dua orang peserta bagi dua bidang menyertai pertandingan PolyCC Skills yang berlangsung di Politeknik Ungku Omar. Kedua-dua pelajar semester satu dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Mohamad Aqasha Bin Nasir (DKA) mewakili bidang bricklaying memenangi pingat emas manakala Aina Nurbatrisyia Binti Shamsul Anuar (DGU) mewakili bidang painting and decorative m

Walaupun masa latihan terhad kerana pertandingan dilaksanakan selepas minggu peperiksaan menyebabkan masa berlatih terhad, kedua-dua peserta ini memberikan komitmen yang sangat tinggi terutamanya pada minggu terakhir sebelum pertandingan. Usaha mereka yang berlatih sepanjang tempoh seminggu itu tanpa mengenal penat dan jemu akhirnya membuahkan hasil yang sangat cemerlang apabila berjaya membawa pulang kedua-dua pingat bagi penyertaan dua bidang tersebut.

Usaha gigih jurulatih-jurulatih bagi setiap bidang memberi sokongan moral dan kewangan juga mencetuskan semangat yang tinggi untuk Aqasha dan Aina terus memberikan komitmen yang tinggi disamping minat dan usaha yang ditunjukkan oleh mereka.

Diharapkan kejayaan ini menjadi pencetus semangat kepada pelajar lain untuk bersaing dan cemerlang menyertai pertandingan-pertandingan lain bagi memupuk minat dan bakat.



PROGRAM REFLEKSI AFEKTIF RASIONAL EMOSI (R.A.R.E) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Oleh: SALEHA BINTI AWANG KECHIK

09 - 11 Julai 2024 – Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar(BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) bersama POLIMAS telah menjalankan Program Refleksi Afektif Rasional Emosi (RARE) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024. Ketua Unit Pengurusan Psikologi Encik Mohd Hanif Hafizri bin Jalil telah menjadi urusetia merangkap Ketua Fasilitator sepanjang program. Seramai 70 orang pelajar terpilih mewakili Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh Malaysia.

Antara objektif program ialah memberi pendedahan kepada peserta kepentingan dalam menjaga kesihatan mental, membantu peserta dalam perhubungan menolong dalam menguruskan emosi secara rasional dalam kehidupan serta memberi penekanan dalam aspek bimbingan dan mudah cara dalam isu berkaitan psikologi selain melahirkan insan yang mampu bertindak dengan efektif dan rasional dalam membuat keputusan.




KURSUS ASAS 3D PRINTING

Oleh: SITI ARFAH BINTI ABD JALIL

14 Julai 2024 - Kursus 3D Printing yang berlangsung pada 14 Julai 2024 bertujuan untuk memberikan peserta pemahaman mendalam tentang teknologi pencetakan 3D serta aplikasinya dalam pelbagai bidang, termasuk kejuruteraan, reka bentuk, dan pembuatan. Kursus ini dihadiri oleh 10 orang peserta dari pelbagai latar belakang akademik.

Antara objektif kursus adalah untuk memperkenalkan konsep asas pencetakan 3D, memberikan latihan praktikal tentang penggunaan mesin pencetak 3D, menjelaskan proses reka bentuk dan penyediaan fail untuk pencetakan 3D dan meningkatkan kemahiran peserta dalam menggunakan perisian pemodelan 3D.

Peserta telah diberi peluang untuk mengalami secara langsung proses pencetakan 3D dan melihat hasil akhir pencetakan 3D dari pelbagai bahan. Kursus 3D Printing ini berjaya mencapai objektifnya dan membuka peluang untuk peserta mengembangkan kemahiran mereka dalam teknologi yang semakin berkembang ini. Diharapkan kursus ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



PROGRAM SPECIAL TRAINING FOR YOUNG LEADERS (STYLE) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Oleh: SALEHA BINTI AWANG KECHIK

16 - 19 Julai 2024 – Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar(BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) bersama Politeknik Kota Kinabalu telah menjalankan Program *Special Training for Young Leaders (STYLE)* Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 melibatkan lokasi Politeknik Kota Kinabalu, sekitar Tuaran, Pekan Nabalau dan Kundasang. Puan Nur Fatimah binti Suhaimi telah menjadi urusetia merangkap pengiring pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti dari utara. Seramai 52 orang pelajar terpilih mewakili Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh Malaysia.

Antara objektif program membangun dan memperkasa bakat, kemahiran dan potensi diri peserta untuk berkomunikasi dan berhadapan dengan kelompok sosial yang pelbagai. Selain membantu peserta mempelajari dan memperbaiki kemahiran menyelesaikan masalah secara kreatif dan kritis serta menanam sikap saling menghormati orang lain melalui penglibatan dalam aktiviti bersama komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya.

Muhammad Asyraf bin Deraman, Presiden Pembimbing Rakan Siswa (PRS) yang mewakili Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah ke Program STYLE 2024 di Politeknik Kota Kinabalu telah berjaya merangkul gelaran Tokoh Sahsiah Terunggul sepanjang program berlangsung pada 16 hingga 19 Julai 2024. Semoga lebih ramai bakal pemimpin yang berani bertanggungjawab mendepani cabaran dan prihatin kepada komuniti dapat dilahirkan seiring dengan perkembangan pendidikan yang semakin baik.





PROGRAM MOBILITI KE BANDA ACEH : UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH ACEH DAN POLITEKNIK KUTARAJA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KOMUNITI KORPORAT (CSR), LKSA RUMAH PENYANTUN MUHAMMADIYAH ACEH DAN DAYAH PASENTREN MUHAMMADIYAH ACEH

OLEH: NOOR HAZINI BINTI AB HALIM

17 - 21 Julai 2024 – Unit Hubungan Antarabangsa (ILU), dengan kerjasama Unit Pengurusan Teknologi Hijau (UPTH), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Jabatan Akademik dan AKRAB, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah mengadakan Program Mobiliti Pensyarah dan Pelajar ke Banda Aceh, Indonesia. Program ini dijalankan bagi mengukuhkan hubungan dua hala dari aspek program kerjasama, pertukaran idea antara negara melibatkan isu pendidikan dan mobiliti di peringkat antarabangsa, dan kuliah umum sukarelawan antara dua negara. Program ini juga menggalakkan penyertaan dari kepimpinan tertinggi pengurusan dan Exco Majlis Perwakilan Pelajar, PTSB. Universitas Muhammadiyah Aceh (UnMUHA) dan Politeknik Kutaraja Banda Aceh, Indonesia telah menjalin kerjasama erat dengan PTSB melalui pelbagai aktiviti lawatan dan pertukaran idea sejak tahun 2018.

Perwakilan dari PTSB yang diketuai oleh Yang Berusaha Tuan Pengarah, Tn. Hj. Mohd Ruzi bin Hamzah telah mengunjungi Universitas Muhammadiyah Aceh telah memeterai Letter of Intent (LoI) bersama beberapa institusi lain iaitu Politeknik Kutaraja, Universitas Cipta Mandiri dan Universitas Pembangunan Panca Budi. Selain itu, aktiviti lain yang diadakan adalah sesi lawatan ke Fakultas Teknik dan Fakultas Ekonomi Universitas Muhammadiyah Aceh di samping aktiviti suai kenal pelajar PTSB bersama pelajar -pelajar dari Universitas Muhammadiyah Aceh, Politeknik Kutaraja serta pelajar-pelajar dari Universitas Cipta Mandiri dan Universitas Venezuela. Pensyarah PTSB iaitu En Abdul Aziz bin Ishak dan Puan Mariyati binti Mat Soad telah membentangkan karya kreatif dalam Kuliah Umum di Politeknik Kutaraja, Aceh.

Program ini juga telah melibatkan kerjasama dari ahli-ahli Forum Kerjasama Perguruan Tinggi (FKPT), Indonesia yang mana menggabungkan penyertaan dari lain-lain institusi swasta di Medan dan Banda Aceh seperti STiM Sukma, Politeknik Cendana, Universitas Budi Darma, Universitas Harapan, Medan dan Akademi Farmasi YPPM Mandiri Banda Aceh Indonesia. Sustainable Development Goals (SDG 17) iaitu mempromosikan masyarakat aman dan menyeluruh demi pembangunan mampan merupakan program yang melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan teknologi hijau seperti pemasangan lampu solar, membersihkan kawasan persekitaran, mengecat dan menanam pokok. Program ini juga adalah bertepatan dengan misi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ke arah mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui kerjasama dan penyertaan aktif dalam komuniti TVET selain memenuhi Teras 8 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu keunggulan global dengan menggalakkan penglibatan pelajar dan staf akademik dalam aktiviti ke peringkat antarabangsa.



KURSUS ASAS *Canva*

OLEH: NORAINI BINTI SULAIMAN

18 Julai 2024 - Program CSR bersama pelajar Maahad Tahfiz Ibnu Sina telah diadakan bertujuan untuk memperbaharui hubungan kolaborasi sedia ada. Program ini dianjurkan bagi memenuhi kesinambungan hubungan kolaborasi yang telah lama wujud di antara PTSB dan Maahad Tahfiz Ibnu Sina Taman Kenari Kulim. Program CSR ini telah menjadi satu platform dalam mempromosikan PTSB kepada masyarakat luar, khususnya masyarakat sekitar Kulim, Kedah. Program ini juga merupakan satu usaha untuk memberi peluang kepada semua warga JPA untuk menzhahirkan penghayatan CSR berbentuk kerja-kerja kebajikan kepada pihak yang terbabit



Melalui kursus asas Canva ini, banyak kebaikan dan manfaat kepada pelajar, terutama dalam meningkatkan kemahiran kreatif dan teknikal mereka. Pelajar belajar cara menghasilkan reka bentuk grafik yang menarik dan profesional, yang boleh digunakan dalam pembentangan, poster, dan projek sekolah. Kursus ini juga membantu pelajar mengembangkan kreativiti dengan menyediakan pelbagai alat dan template untuk menghasilkan idea reka bentuk yang unik dan menarik. Canva juga membolehkan pelajar bekerjasama dalam kumpulan, di mana mereka boleh berkongsi dan bekerja pada satu projek secara serentak, menggalakkan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan. Disamping itu, kemahiran reka bentuk yang dipelajari melalui Canva dapat memberi pelajar kelebihan dalam bidang kerjaya yang memerlukan kemahiran grafik, pemasaran digital, atau komunikasi visual. Secara keseluruhannya, kursus asas Canva ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran reka bentuk dan teknologi yang akan membantu mereka dalam pembelajaran dan persediaan kerjaya di masa hadapan kelak. Peserta juga turut teruja menyertai aktiviti luar dengan suasana yang lebih santai dan menyeronokkan dengan pelbagai aktiviti yang disediakan oleh penceramah jemputan.




JERAI SKYVIEW EXPLORACEI

Oleh: NOR FARAHAİN BINTI DZULKAFLI

24 Julai 2024 – *Jerai Skyview Explorace* anjuran Jabatan Perdagangan (JP) merupakan aktiviti pembangunan pasukan yang diadakan bertempat di Gunung Jerai, Kedah. Program ini disertai seramai 43 orang staf dari Jabatan Perdagangan (JP) PTSB. Program ini diadakan bertujuan meningkatkan profesional pensyarah serta kakitangan bagi penerapan motivasi, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesionalisme secara berterusan.

Program ini meliputi aktiviti-aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), permainan dan rekreasi luar yang dilihat mampu meningkatkan daya kreativiti, membina komunikasi yang berkesan serta mewujudkan hubungan yang lebih akrab dalam konteks sosialisasi kakitangan JP.

Melalui program ini, para peserta dapat memahami langkah membudayakan kerja berpasukan bagi mencapai matlamat organisasi. Membina ukhwah serta memupuk semangat kekitaan dalam kalangan staf Jabatan Perdagangan serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan disamping memahami kepentingan komunikasi interpersonal dalam kerja berpasukan.



Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya meningkatkan kemahiran dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf JP. Secara tidak langsung, melalui kursus ini juga, para peserta telah meningkatkan satu lagi ilmu berkaitan kemahiran kepimpinan yang boleh diaplikasikan dalam melaksanakan tugas harian.



SUKAN JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 2024

Oleh: SITI ARFAH BINTI ABD JALIL

29 Julai 2024 – Aktiviti ini dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PTSB bagi memberi peluang dan ruang untuk pensyarah dan pelajar melakukan aktiviti kecergasan yang boleh menyihatkan badan. Disamping itu, aktiviti ini dapat mewujudkan gerak kerja dalam pasukan yang lebih berkesan dan mantap selain dapat mengeratkan hubungan antara pensyarah dan pelajar serta pelajar dengan pelajar juga dapat berkenalan antara satu sama lain.

Pelajar dapat menonjolkan bakat masing – masing dari segi kemahiran sukan dan kepimpinan pasukan. Sebanyak lima (7) acara sukan yang dipertandingkan melibatkan pelbagai kategori. Antara sukan tersebut adalah Futsal (lelaki dan perempuan), Badminton (berkumpulan), Bola sepak, Bola tampar, Bowling (lelaki dan perempuan), Olahraga, ping pong dan juga Bola jaring.

Dengan adanya aktiviti seperti ini, ia dapat memberikan impak yang positif kepada organisasi pensyarah seperti menambah baik hubungan komunikasi dan pengetahuan serta secara tidak langsung dapat menyihatkan tubuh badan.



ENGLISH@FLASH 2024

OLEH: SELVAMALAR SELVARAJAN

31 Julai 2024 - *English@Flash* 2024 is a new initiative organised by the English Language Unit, General Studies Department with the collaboration of the Student Affairs Development Department (JHEP) to embrace the English Language learning journey among all semester one students during Minggu Haluan Siswa (MHS).

The advisor, Mdm S. Selvamalar initiated this effort to encourage new students to be responsible for their continuous language learning and identify new potential students. Twelve volunteer facilitators, who are semester two students, are trained by Madam Selvamalar to plan and manage the programme's activities effectively. The Head of JHEP, Mr. Norsyahidan, was very supportive throughout the preparation for this programme. Looking at the outcome and impact, he suggested making this programme part of MHS every semester. The programme at Dewan Mu'adzam Shah, PTSB, offered a platform for the students to meet and mingle with students from all departments, identify their potential, and understand the importance of developing English language skills.

The semester one students not only enjoyed the activities but also discovered their potential, feeling empowered and confident in their abilities. The activities provided a supportive environment for using English and instilled the values expected at a higher learning institution.



OBE WORKSHOP: GAME BASED LEARNING (FUNVILLE RACE)

Oleh: NOR FARAHAIN BINTI DZULKAFLI

31 Julai 2024 – Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP) atau game based learning merupakan satu kaedah proaktif yang dapat membantu pendidik bagi merealisasikan matlamat pembelajaran abad-21. PBP merupakan platform yang menggalakkan imaginasi dan kemahiran berfikir secara divergen bagi penyelesaian masalah dan berkomunikasi tentang idea.

Program ini merupakan pendedahan berkenaan pembelajaran berasaskan permainan bukan digital iaitu menggunakan permainan FunVille Race yang telah dicipta oleh pensyarah dari Jabatan Perdagangan (JP) iaitu Puan Noor Hanim, Puan Rosnida dan Puan Nor Fathimah. Permainan ini merupakan permainan secara berkumpulan. Taklimat berkaitan OBE dan juga perbezaan antara permainan digital dan bukan digital telah dijelaskan diawal sesi program. Para pensyarah juga diberi penerangan mengenai kelebihan mengadaptasi permainan di dalam kelas semasa PdP dilaksanakan.

Melalui program ini, para pensyarah dapat meningkatkan kefahaman berkenaan konsep pembelajaran berasaskan permainan dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Para pensyarah juga dapat menyesuaikan diri dengan tren permainan yang lebih bersesuaian dengan penerimaan para pelajar era kini.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya meningkatkan kefahaman dan kesediaan para pensyarah untuk mengadaptasi kaedah permainan dalam pelaksanaan PdP mereka. Selain dapat mengembangkan bakat dan kemahiran pensyarah untuk menghasilkan permainan untuk PdP, ianya juga secara langsung dapat meningkatkan kualiti penyampaian PdP serta menjadikan proses PdP lebih interaktif.



MINGGU INDUKSI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK SESI I 2024/2025

Oleh: NURASYKIN BINTI FAZIL

01 Ogos 2024 - Kemasukan pelajar lepasan SPM dan sijil bagi aliran arus perdana ke Jabatan Kejuruteraan Elektrik PTSB pada sesi 1 2024:2025 amat memberangsangkan. Seramai 293 orang pelajar baru Semester Satu telah berjaya mendapat tempat di JKE PTSB. Tahniah di ucapkan kepada pelajar baharu yang telah memilih Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) PTSB sebagai tempat menyambung pengajian di peringkat diploma. Sehubungan dengan itu, pendedahan awal mengenai jabatan telah diadakan kepada pelajar tersebut. Pada 1 Ogos 2024 telah berlangsung Minggu Induksi Jabatan di Pusat Dakwah & Tarbiah Al Jazari (Pusat Islam) PTSB.

Program dimulakan dengan sesi perjumpaan kali pertama dengan Penasihat Akademik, di ikuti ucapan aluan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Puan Ida Safinar binti Aziz. Taklimat Struktur Kursus pula disampaikan oleh Ketua-ketua program JKE iaitu Puan Mahfuzah, Puan Mariam dan Encik Syahril. Berikutnya disambung dengan Taklimat Pendaftaran Kursus oleh Puan Noor Indon dan penyampaian Taklimat OBE yang menjadi tunjang kekuatan pelajar JKE oleh Encik Affendy.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyampaian informasi berkaitan CTCE (Peperiksaan) oleh Puan Salmiah dan diakhiri proram ini dengan sesi taklimat berkaitan dengan ESC (Electrical Student Club) oleh Puan Roshima. Semoga pelajar mendapat ilmu yang bermanfaat dan menjadi bekalan sepanjang berada di JKE PTSB. Setelah taklimat berkaitan akademik selesai, pelajar semester 1 kemudiannya terlibat dengan aktiviti Eksplorasi JKE dan Gotong Royong di JKE. Pelajar menjelajah kawasan sekitar bagi mengenali kelas, makmal dan juga bengkel di bantu oleh MPP JKE. Pelajar bersemangat dan teruja bagi memulakan sesi pengajian di JKE PTSB.



TENDER PENGGANTIAN SISTEM RANGKAIAN KAMPUS – WIRELESS ACCESS POINT (AP) BAGI POLITEKNIK – POLITEKNIK DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

OLEH: NOR AZEMA BINTI ADZAN

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah di antara Politeknik yang telah mendapat peruntukan daripada Jabatan Pengajian Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) untuk projek penggantian wireless access point (AP). Bermula pada 24 Jun 2024, lawatan tapak oleh syarikat yang terlibat telah dijalankan sekitar keseluruhan PTSB. Pada 4 Ogos 2024, di bawah pemantauan Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UTMK) dengan kerjasama Syarikat Teralogic Solutions Sdn Bhd telah memulakan pemasangan wireless access point(AP) model EXTREME sebanyak 51 unit AP.



Lima puluh satu (51) unit AP merangkumi AP indoor sebanyak 37 unit dan 14 unit AP outdoor, telah dipasang. Projek ini juga merangkumi 14 unit switch dan 1 unit wireless controller. Wireless controller ditempatkan di bilik server UTMK. Lokasi-lokasi yang terlibat dengan projek penggantian ini adalah di blok asrama pelajar bermula blok V1 sehingga V6, pejabat warden, kafeteria asrama, kantin PTSB, Perpustakaan, Dewan Kuliah JKA, JKE, JKM dan JP, Pusat Dakwah & Tarbiah Al-Jazari (PDTJ), Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK), ruang legar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)/ Koperasi, di setiap jabatan JKA, JKE, JP, JPA, JMSK serta Dewan Muadzam Shah.



KUNJUNGAN PELAJAR SEKOLAH SMK JENERI KE JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

08 Ogos 2024 - Seramai 30 orang pelajar dan 2 orang guru pengiring dari SMK Jeneri telah mengadakan kunjungan ke Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah pada 8 Ogos 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia kejuruteraan mekanikal dan peluang kerjaya yang terdapat dalam bidang tersebut.

Sepanjang kunjungan, pelajar diberikan taklimat oleh Ketua Jabatan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal En. Azhar Bin Fikri., Dalam sesi tersebut, pelajar diperkenalkan kepada pelbagai cabang kejuruteraan mekanikal serta peralatan canggih yang digunakan dalam industri, termasuk mesin CNC dan perisian rekabentuk.

Selain itu, pelajar juga berpeluang menyaksikan demonstrasi praktikal yang menggabungkan teori dan aplikasi nyata, yang menimbulkan minat serta semangat untuk meneruskan pengajian dalam bidang ini.

Kunjungan ini mendapat maklum balas positif, dan pelajar berharap lebih banyak program seperti ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan minat mereka dalam bidang kejuruteraan.



AKTIVITI BERHARGA DI REDAC: MEMBUKA MINDA PELAJAR TERHADAP ALAM SEKITAR

Oleh: NORHAYATI BINTI OSMAN

12 Ogos 2024 - Sekumpulan pelajar semester 5 dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) bersama dengan pensyarah berpeluang mendalami ilmu kejuruteraan air di River Engineering & Urban Research Centre (REDAC), Universiti Sains Malaysia (USM).

Lawatan ini bukan sekadar meningkatkan pengetahuan akademik tetapi juga membuka mata pelajar terhadap kepentingan menjaga sumber air untuk masa depan. Kunjungan ini disambut baik oleh Dr. Khairul Rahmah binti Ayub, Pegawai Penyelidik dari Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC), Kampus Kejuruteraan, USM.

Sepanjang lawatan, pelajar diberi peluang untuk melihat secara langsung projek rintis BioEcoD yang sedang dijalankan di REDAC. Dr. Khairul Rahmah memberi penerangan tentang sistem kawalan air larian dalam projek ini yang menginspirasi pelajar untuk melihat peranan besar mereka dalam membina dunia yang lebih lestari. Keterlibatan pelajar dalam sesi ini memupuk kesedaran bahawa teknologi kejuruteraan bukan hanya soal angka dan teori tetapi soal kehidupan manusia dan kelestarian alam sekitar.





MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN JKA SESI I 2024/2025

Oleh: NORHAYATI BINTI OSMAN, AZILAWATI BINTI HARUN

15 Ogos 2024 – Jabatan Kejuruteraan Awam telah menganjurkan Majlis Anugerah Ketua Jabatan yang melibatkan pelajar-pelajar cemerlang program Diploma Geomatik (DGU) dan Diploma Kejuruteraan Awam (DKA). Majlis ini bertujuan untuk menyampaikan Sijil Anugerah kepada pelajar cemerlang bagi Peperiksaan Akhir Sesi 2: 2023/2024 selain untuk membentuk kemahiran insaniah dan kemahiran kepimpinan pelajar terutamanya Ahli Jawatankuasa Kelab Civec di dalam menjayakan majlis ini .

Majlis telah dimulakan dengan bacaan doa dan diiringi ucapan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, seterusnya sesi penyampaian Anugerah Ketua Jabatan. Anugerah Ikon Pelajar JKA 2023/2024 dan penghargaan kepada sukarelawan projek pembinaan gazebo JKA turut disampaikan oleh ketua jabatan. Majlis diakhiri dengan sesi perkongsian cara belajar oleh pelajar cemerlang JKA iaitu seorang wakil dari program DKA dan seorang wakil dari program DGU.

Diharapkan program ini dapat dijadikan pendorong kepada para pelajar untuk terus berusaha bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan pembangunan diri.



PROGRAM TEAM BUILDING RECHARGE AND RECONNECT ELECTRICAL STUDENT CLUB (ESC)

Oleh: ROSHIMA BINTI BAHARUM

16 - 17 Ogos 2024 – Melahirkan insan yang saling membantu antara satu sama lain, berpegang dengan etika dan yakin sesuatu perkara yang besar akan dapat diselesaikan sekiranya team work dipegang. Menyedari kepentingan kerja berpasukan ini, maka ESC (Electrical Student Club) telah Berjaya melaksanakan Program Team Building “Recharge And Reconnect”. Program selama dua hari satu malam bermula dari 16 hingga 17 Ogos 2024 bertempat di Himalaya Camp And Rock Garden Camping Resort Gopeng Perak.

Program ini disertai oleh 21 orang pelajar ESC JKE PTSB dengan diiringi oleh 3 orang pensyarah pengiring. Program ini bertujuan membangunkan individu ke arah kecemerlangan diri, kerjaya dan organisasi, mengimbangi jati diri, mental, kerohanian dan kecergasan fizikal serta membawa pelajar menikmati flora fauna alam semulajadi yang terbentang ciptaan Ilahi.

Selain itu, pengukuhan semangat kerja berpasukan dapat diterapkan melalui pelbagai aktiviti luaran mahupun dalaman seperti berkhemah, mendaki bukit, aktiviti air dan keronian yang menguji tahap mental dan fizikal serta ketahanan para pesertanya. Sekaligus diharap dapat memberi impak yang baik kepada peserta dari segi cara komunikasi, penyelesaian masalah, kepimpinan dan sebagainya, untuk diaplikasikan di kampus sebagai ahli jawatankuasa kelab jabatan.

Secara keseluruhannya, aktiviti team building ini tidak hanya memberi manfaat kepada individu, tetapi juga kepada organisasi atau kumpulan secara keseluruhannya diharapkan inisiatif seperti ini akan diteruskan di masa hadapan untuk memastikan perkembangan dan peningkatan kualiti kerja serta kecemerlangan yang berterusan.





PROGRAM HALA TUJU PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BERSAMA-SAMA GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEKOLAH MENENGAH NEGERI KEDAH TAHUN 2024


Oleh: SALEHA BINTI AWANG KECHIK

19 Ogos 2024 – Program Hala Tuju Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bersama-sama Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Negeri Kedah Tahun 2024 telah dijalankan di Dewan Kuliah Utama Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dengan kehadiran Tuan Haji Mohd Kamal bin Hashim, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid Jabatan Pendidikan Negeri Kedah sebagai perasmis program, Tuan Haji Abdul Rahman bin Mansor Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Puan Ismajulian binti Ismail Penolong Pengarah Hal Ehwal murid bersama dua orang lagi pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Program turut dihadiri oleh Pengarah Kolej Komuniti serta 68 orang guru-guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Negeri Kedah.



Pengisian program berkisar taklimat Pendidikan Politeknik dan taklimat Pendidikan Kolej Komuniti serta sesi Townhall dan soal jawab di antara panel dan guru-guru Bimbingan dan Kaunseling. Keseluruhan peserta menyatakan mendapat maklumat yang jelas berkaitan hala tuju pelajar lepasan SPM dan mencadangkan agar Guru Kanan Sains Matematik dan Guru Kanan Teknik Vokasional dilibatkan bersama pada masa akan datang. Adalah diharapkan agar program ini berjaya mencapai objektif memberi penjelasan mapan kepada guru Bimbingan dan Kaunseling berkaitan matlamat dan hala tuju pelajar dalam meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi amnya dan bidang TVET khususnya walaupun pelajar bukan dari aliran STEM.





CANVA WORKSHOP BRIDGES THE TECHNOLOGY GAP IN EDUCATION, STRENGTHENING MALAYSIA-BRUNEI TVET COLLABORATION

Oleh: SURYANI BINTI SABRI

22 August 2024 – An online Canva workshop was organized by the General Studies Department of Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) in collaboration with Kolej Komuniti Tasek Gelugor (KKTG) and the Institute of Brunei Technical Education (IBTE). The workshop, which aimed to introduce online teaching and learning tools while sharing methods for collaborative and real-time instruction using the Canva platform, was attended by 27 lecturers from IBTE. Six lecturers from PTSB, four from KKTG, and one from IBTE served as the organizing committee members. Two experienced trainers, Ms. Suryani binti Sabri (PTSB) and Ms. Nur Diyana binti Mohd Suhaimi (KKTG) facilitated the workshop.

According to the Program Director, Ms. Suryani, a senior lecturer at PTSB, the initiative for this workshop emerged during discussions between her and Ms. Dk Syazwani Nur Afida Pg Mahmud (IBTE) while they both attended a two-week short-term scholarship program, the Asian Digital Transformation and Future Skills Initiative: New Technologies in TVET (Policies and Programs) at Queensland University of Technology (QUT), Brisbane, Australia. Their discussion centred on the need for ‘reskilling’ and ‘upskilling’ TVET lecturers in Malaysia and Brunei, specifically within POLYCC and IBTE, concerning digital knowledge and skills for teaching and learning (PDP).

The workshop was officiated by Mr. Izzat Amin bin Mohd Nasir, Head of the General Studies Department at PTSB, and was attended by Ms. Hidayah binti Tapri, Deputy Director of KKTG, Ms. Norhazura binti Mohd Sazali, Industry and Alumni Relations Officer of KKTG, and Mr. Musa bin Abu Samah, Principal Lecturer of KKTG.


MERAIKAN KEJAYAAN TBA-KITS: INOVASI YANG DIKTIRAF

Oleh: NOR FARAHAH BINTI DZULKAFI

22 Ogos 2024 – The Business Apprentice Kits (TBA-Kits) merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh sekumpulan pensyarah dari Jabatan Perdagangan, PTSB yang diketuai Puan Adiebah binti Ahmad. TBA-Kits adalah sistem untuk keusahawanan yang membolehkan Business Model Canvas (BMC) dan Rancangan Perniagaan (RP) dilaksanakan secara atas talian (Google Sheets). Ia adalah sebagai panduan perniagaan dan analisis potensi perniagaan yang bakal dijalankan. Sistem ini menjimatkan masa dan kos kerana BMC dan RP yang komprehensif dan efektif.



Kumpulan yang diberi nama i-BizzSync Ventures ini telah menerima beberapa pencapaian yang amat membanggakan. Antaranya mereka berjaya memperoleh pingat Perak dan Anugerah Projek KIK Harapan di dalam Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif & Kreatif Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah pada 8-10 Julai 2024 yang lalu.



Selain itu, kumpulan pensyarah ini juga telah mempertaruhkan hasil inovasi mereka di dalam pertandingan National Invention & Innovation Competition Exhibition and Robot-Sumo (NICERS'24) yang telah diadakan pada 20-22 Ogos 2024 di PTSB. Dengan hasil inovasi ini, mereka telah dianugerahkan pingat emas dan juga telah terpilih sebagai penerima Anugerah Produk Potensi Komersial Terbaik dengan membawa pulang hadiah berupa wang tunai bernilai RM300.



Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada mereka. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin semangat dan inspirasi untuk terus mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.



MAJLIS PERSARAAN STAF JKA

Oleh: LIZA SUHANA RAMLI



28 Ogos 2024 – Seorang staf Jabatan Kejuruteraan Awam, Puan Sharina binti Abdul Latiff telah diraikan dalam Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih sempena persaraan beliau yang diadakan di Dewan Mu'adzam Shah. Majlis anjuran JKA dan JP ini turut meraikan persaraan staf JP, Puan Noor Hazini binti Ab Halim.

Majlis berlangsung dengan tayangan video persaraan diikuti dengan ucapan staf bersara, penyampaian cenderamata daripada jabatan dan unit, acara memotong kek dan diakhiri dengan jamuan makan. Usaha gigih semua AJK dalam menjayakan majlis yang meriah ini diharap meninggalkan kenangan yang indah kepada staf yang dirai.



Puan Sharina telah berkhidmat selama 36 tahun sebagai penjawat awam dan pernah menabur bakti sebagai pensyarah di POLIMAS dan PTSB. Antara sumbangan Puan Sharina di PTSB adalah mengetuai projek pembinaan Gazebo JKA dengan dibantu oleh beberapa pensyarah dan pelajar. Usaha gigih ini diharap menjadi inspirasi kepada warga JKA. Semoga setiap jasa dan bakti Puan Sharina diterima sebagai amal kebajikan di sisi-Nya.



AKTIVITI PENGAJARAN ALUMNI PENGAMAL INDUSTRI POLITEKNIK NEGERI MEDAN (POLMED) YANG BERTEMAKAN "GLOBAL DECARBONIZATION"

OLEH: RAJA INTAN ZARINA BINTI RAJA ZAKI HASHIM


31 Ogos 2024 – Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah menerima jemputan untuk menyertai Aktiviti Pengajaran Alumni Pengamal Industri Politeknik Negeri Medan (Polmed) Yang Bertemakan "Global Decarbonization" yang dijalankan secara atas talian. Aktiviti ini dianjurkan oleh Ikatan Alumni Politeknik Negeri Medan (IKAL) yang melibatkan alumni POLMED yang kini bekerja dalam sektor industri, berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan mengenai isu penting yang dihadapi dunia hari ini, iaitu penyahkarbonan global (decarbonization).

Perkongsian ilmu ini disampaikan oleh Paul Butar Butar, alumni POLMED yang kini bekerja di industri yang berkaitan dengan tenaga dan teknologi hijau. Perkongsian ini dihadiri oleh pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar dari Politeknik Negeri Medan, serta 5 orang pensyarah dan 17 orang pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Antara lain, program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada cabaran penyahkarbonan global, serta langkah-langkah yang sedang diambil oleh industri untuk mengurangkan jejak karbon, memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar tentang peranan mereka dalam memacu teknologi hijau dan lestari di masa depan serta mengukuhkan hubungan antara alumni dan pelajar melalui perkongsian ilmu dan pengalaman praktikal.

Pelajar yang menghadiri program ini memperoleh manfaat seperti pemahaman mendalam mengenai isu-isu alam sekitar dan bagaimana industri memainkan peranan penting dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon. Selain itu, pelajar turut pendedahan kepada teknologi hijau dan inovasi terkini, yang penting dalam usaha mencapai masa depan yang lebih lestari. Sehubungan itu, ini akan menjadi salah satu inspirasi dan motivasi untuk melibatkan diri dalam sektor teknologi hijau dan menyumbang kepada penyelesaian global bagi perubahan iklim.

Secara keseluruhan, Aktiviti Pengajaran Alumni Pengamal Industri bertemakan "Global Decarbonization" ini telah berjaya memberi pendedahan kepada pelajar mengenai cabaran dan peluang dalam industri berkaitan penyahkarbonan. Program ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai isu-isu alam sekitar tetapi juga mengukuhkan jaringan antara alumni POLMED dengan pelajar POLMED dan PTSB, membuka peluang untuk kerjasama pada masa hadapan.



HARI SUKAN

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

OLEH: NURUL MALIAH BINTI MARZUAN

02 September 2024 - Hari Sukan Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah berlangsung penuh meriah dalam semangat kesukanan yang tinggi bertempat di Jabatan Sukan Kebudayaan dan Kesenian (JSKK) Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Program sehari itu telah melibatkan pelajar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan diselia oleh para pensyarah dan kakitangan sokongan jabatan. Pelbagai aktiviti sukan telah dipertandingkan antaranya, badminton, ping pong, bola tampar, bola jaring dan futsal. Acara dimulakan dengan aktiviti senamrobik sebagai sesi pemanasan badan sebelum aktiviti sukan dipertandingkan.



Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk memilih dan mengcungkil bakat para pelajar dalam bidang sukan khususnya sebagai persediaan kepada acara tahunan politeknik iaitu Polyлимпik 2024 yang bakal berlangsung pada penghujung September. Pelajar yang berbakat dalam sukan dapat diketengahkan lagi untuk ke peringkat yang lebih tinggi sekaligus dapat menyumbang kepada kemenjadian pelajar. Selain itu, melalui program seperti ini dapat mengeratkan jalinan ukhwah sesama pelajar, pensyarah dan staf sokongan.

Secara keseluruhannya, Kerjasama dan penyertaan daripada pelajar amatlah memberangsangkan dan memenuhi objektif program dianjurkan. Semua peserta gembira dapat meluangkan masa bersama-sama dalam aktiviti sukan di samping dapat menyihatkan badan dan kecergasan minda.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BERSAMA TAHFIZ IBNU SINA “ASAS REKABENTUK CANVA DAN CERAMAH MOTIVASI”

OLEH: NOR AZEMA BINTI ADZANAN

03 September 2024 – Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UTMK) telah melaksanakan Program CSR Bersama Maahad Tahfiz Ibnu Sina, Taman Kenari, Kulim, Kedah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tahfiz yang berusia 13 hingga 17 tahun dalam penggunaan teknologi komputer dan kemahiran asas dalam reka bentuk grafik menggunakan Canva. Para peserta berjaya menghasilkan rekaan-rekaan poster digital yang menarik menggunakan Canva. Pendedahan kepada aplikasi rekabentuk grafik ini memberi pelajar kemahiran asas yang berguna untuk menyampaikan mesej secara kreatif serta membantu mereka memahami asas-asas visual dalam dunia digital. Penggunaan Canva juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengekspresikan kreativiti mereka secara lebih professional dalam kehidupan seharian dan dalam usaha dakwah mereka.

Sesi ceramah motivasi bertajuk “Wanita Syurga” disampaikan oleh Ustaz Izzat Amin Bin Mohd Nasir (Ketua Jabatan Pengajian Am), memberi impak mendalam kepada para pelajar Maahad Tahfiz Ibnu Sina khususnya kepada pelajar perempuan berkenaan cabaran dan fitnah akhir zaman yang perlu dihadapi oleh wanita. Ceramah ini menekankan wanita perlu mempunyai keteguhan iman dan akhlak dalam menghadapi godaan dunia terutamanya jangan mudah terpedaya dengan penggunaan teknologi gadget dan platform media sosial yang semakin berleluasa. Para peserta sedar akan peranan mereka dalam menjaga maruah diri dan agama serta perlu menjadi contoh kepada masyarakat. Program ini juga dapat mengeratkan silatur rahim antara staf UTMK dan komuniti setempat, memupuk nilai-nilai murni seperti rasa keprihatinan dan berkerjasama. Program ini dapat memberi impak positif kepada remaja dalam membangunkan kemahiran dan nilai hidup yang berguna.





URBAN SURVIVOR PTSB 2024

Oleh: SALEHA BINTI AWANG KECHIK



07 September 2024 – Unit Pengurusan Psikologi dengan kerjasama 25 orang jawatankuasa Pembimbing Rakan Siswa (PRS) telah menjalankan Program Urban Survivor PTSB 2024 di Dewan Kuliah Utama ULPL dan Bandar Perda Pulau Pinang dengan objektif memberi motivasi dan kesedaran kepada 39 orang peserta berkaitan kepentingan pencapaian akademik dalam kerjaya.

Slot dimulakan dengan aktiviti Icebreaking dan pembahagian kumpulan. Setiap kumpulan perlu menyiapkan empat tugas semasa berada di Bandar Perda dan pulang semula ke PTSB pada jam 4.00 petang untuk sesi refleksi dan penyampaian cenderahati. Rumusan program telah disampaikan oleh kesemua fasilitator dan urusetia program mengikut perspektif masing-masing dan para peserta telah menunjukkan kefahaman yang baik berdasarkan pembentangan dan maklumbalas mereka.

PPI: PENGENALAN DAN APLIKASI MOTOR DC DAN AC DI INDUSTRI BAGI KURSUS DET30043 ELECTRICAL MACHINE

Oleh: NURASYKIN BINTI FAZIL

08 September 2024 - Program anjuran JKE bersama industri ini merupakan satu persediaan sebagai IPT yang melahirkan graduan kejuruteraan dengan melengkapkan diri pelajar berkenaan pengetahuan terkini dari segi teori, amali, cara kerja dan juga aplikasi teknologi bagi melahirkan graduan yang memenuhi kehendak industri. Ia juga merupakan pendedahan awal kepada pelajar sebelum menghadiri latihan industri.

Program yang melibatkan pelajar program DEE semester 5 dan program DET semester 3 di Jabatan Kejuruteraan Elektrik turut bertujuan memberi pengalaman kerja di lapangan kepada pelajar dan pensyarah. Di samping itu, program sebegini dapat membantu pensyarah dalam mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam proses semakan modul dengan memasukkan topik-topik berkaitan teknologi terkini dalam industri.

Para peserta berbesar hati dapat mendengar perkongsian pengalaman berharga dari penceramah jemputan iaitu En Abdul Aliff Bin Hamzah, seorang *Facility Engineer* di Aviatron (M) Sdn Bhd yang mempunyai pengalaman luas dalam pengendalian motor industri. Secara khususnya, program pensyarah pelawat industri (PPI) ini menyajikan pengetahuan dalam pengenalan dan aplikasi motor DC dan AC di industri yang berhubung kait bagi kursus DET30043 Electrical Machine.

Program ini juga membincangkan dan memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai skop kerja yang melibatkan peralatan motor industri dari segi contoh motor industri, mengenalpasti peralatan yang digunakan berkaitan dengan motor industri dan membincangkan permasalahan yang sering berlaku semasa pengendalian motor di industri serta hubungkait amali yang dilakukan sepanjang semester.

Kesimpulannya, semua peserta dapat menimba pengetahuan dan kemahiran yang sangat berharga khususnya untuk kerja-kerja konsultasi yang dilakukan secara berpasukan dengan jurutera dan pemain industri.



PROGRAM MINI KARNIVAL MERDEKA MALAYSIA MADANI JIWA MERDEKA

Oleh: NORAINI BINTI SULAIMAN

08 - 12 September 2024 - Pertandingan Mini Karnival Merdeka: Malaysia Madani Jiwa Merdeka telah diadakan bersempena sambutan bulan kemerdekaan PTSB bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotik di kalangan pelajar. Di samping dapat meningkatkan jati diri anak bangsa dan berbangga dengan budaya Malaysia.

Melalui program ini, suasana sambutan Hari Kebangsaan dapat dihidupkan dengan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kemerdekaan negara kita, seperti deklamasi sajak kemerdekaan, sukan warisan, kuiz kemerdekaan dan tiru gaya kemerdekaan. Melalui aktiviti ini, semangat patriotisme dapat dipupuk dan disemarakkan di dalam setiap jiwa pelajar. Bakat, keberanian dan ketokohan yang ditunjukkan oleh pelajar melalui aktiviti yang diadakan bukan sahaja dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi rohani, tetapi juga dapat membina minda cerdas dan cergas. Pelajar telah diberi ruang untuk membuktikan kebolehan sebenar serta dapat memupuk kerjasama dan semangat berpasukan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencungkil bakat dan minat pelajar serta meningkatkan jati diri sebagai warganegara Malaysia. Pelajar juga teruja menyertai aktiviti di luar kelas dengan suasana yang lebih santai dan menyeronokkan sekaligus mengurangkan ketegangan dalam pembelajaran. Apa yang penting, semangat untuk menghayati sejarah negara sendiri semakin meningkat di dalam jiwa para pelajar. Penganjuran program juga ini selari dengan misi Kementerian Pendidikan Tinggi, iaitu melahirkan pendidikan yang berkualiti tinggi serta insan yang cemerlang.



PROGRAM MOTIVASI PEMBUGARAN MINDA DAN HALATUJU SELEPAS SPM SASARAN MURID TINGKATAN LIMA 2024

Oleh: SALEHA BINTI AWANG KECHIK

09 September 2024 – Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Paya Besar Lunas Kedah telah mengadakan Program Motivasi Pembugaran Minda dan Halatuju selepas SPM Sasaran Murid Tingkatan Lima 2024 yang diadakan secara sidang selari di Astaka Bestari dan Bilik Mesyuarat sekolah. Seramai 60 orang pelajar dari aliran Sains telah menyertai sesi di Bilik Mesyuarat yang dimulakan dengan taklimat oleh Guru Bimbingan Kaunseling selanjutnya Slot Motivasi daripada wakil Unit Pengurusan Psikologi Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah diikuti oleh dua orang pensyarah dari Jabatan Kejuteraan Awam iaitu Puan Nor Rulaida binti Mohammed Shekhidi dan Puan Asiah binti Ariffin telah menyampaikan taklimat berkaitan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan bidang geomatik secara khusus.

Adalah diharapkan agar program ini berjaya mencapai objektif mendedahkan para pelajar terhadap pembinaan matlamat dan hala tuju dalam meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi amnya dan bidang TVET khususnya.




TAKLIMAT KESELAMATAN SIBER

09.09.2024

JENAYAH SIBER – PERANAN PENGGUNA INTERNET



EDWAN BIN MOHAMMAD AIDID CISAM
Senior Executive
Outreach Unit,
Business Development and
Industry Affairs Division,
CyberSecurity Malaysia




OLEH: NOR AZEMA BINTI ADZANAN

09 September 2024 – Program taklimat Keselamatan Siber (Jenayah Siber -Peranan Pengguna Internet) diadakan secara dalam talian kerjasama di antara Unit Teknologi Maklumat dan CyberSecurity Malaysia. Taklimat ini disampaikan oleh En Edwan bin Mohammad Aidid, *Senior Executive* daripada CyberSecurity dan melibatkan 160 orang warga Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Program ini diadakan bertujuan memberi kesedaran kepada warga PTSB akan ancaman sebenar jenayah siber yang boleh memudaratkan kehidupan mangsa seperti “phishing” atau kebocoran maklumat peribadi, “scammers” yang merompak wang dan penipuan pembelian dalam talian yang menjejaskan keselamatan pengguna.

Secara kesuluruhannya, program ini dapat meningkatkan kesedaran warga PTSB untuk mengenal pasti jenis-jenis penipuan, ancaman keselamatan atas talian dan penyebaran berita-berita palsu melalui pelbagai platform media sosial yang semakin berleluasa sekarang ini.





Smart Poly Crane CHALLENGE

11 SEPTEMBER 2024
8.30 AM - 1.00 PM
DEWAN MUADZAM SHAH
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH

Please bring:

- Scissors, Cutter Knife, Ruler, Pencil
- Recycle material for crane basket

Includes:

- Mini Bun and Lunch Pax
- Certificate

Clothes:

- Sportswear

1st PRIZE RM 100
2nd PRIZE RM 70
3rd PRIZE RM 50
CONSOLATION PRIZE x2

MPCC MINI PROJECT CHALLENGE

Organized by: MATHEMATICS, SCIENCE AND COMPUTER DEPARTMENT



MINI PROJECT CHALLENGE SESI I : 2024/2025

Oleh: EN. MOHD HAFIS BIN YUNUS

11 September 2024 – *Mini Project Challenge* (MPC) merupakan satu program yang direka cipta bagi memimbing pelajar dalam menyiapkan tugas *Mini Project* kursus DBS10042 Engineering Science. Ia adalah sebagai tindakan proaktif dalam meningkatkan peratus lulus bagi kursus DBS10042 selain pelajar dapat mengembangkan potensi dan keupayaan dalam bidang STEM

Program ini memberi tumpuan kepada usaha pelajar untuk membina *Smart Poly Crane* selaras dengan keperluan *Mini Project*. *Smart Poly Crane* yang siap dibina dapat digunakan untuk memahami dengan lebih lanjut tentang konsep fizik kerja, tenaga & kuasa.

Pprogram ini dapat memberi impak yang positif, iaitu membantu dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar, menimbul minat pelajar untuk memilih bidang STEM seterusnya melahirkan pelajar berpengetahuan dan berkeyakinan.

Program MPC telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Penyertaan daripada 650 orang pelajar dari pelbagai jabatan dan semua staf JMSK amat bermakna. Semua objektif yang telah ditetapkan telah tercapai hasil daripada usaha semua pihak. Impak yang dihasilkan oleh program ini amat membantu pelajar dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Program ini diharapkan akan diteruskan pada masa akan datang demi kecemerlangan pelajar.





PROGRAM LONJAKAN PRESTASI PELAJAR JP

Oleh: NOR FARAHAIN BT DZULKAFI

11 - 12 September 2024 - Program Lonjakan Prestasi Pelajar Jabatan Perdagangan (JP) ini dihadiri seramai 40 orang pelajar dan 5 orang pegawai pengiring bertempat di Kem Bendang Man (KEDA Resort) di Sik, Kedah. Peserta program ini terdiri daripada pelajar daripada program DAT, DPM dan DPR daripada Jabatan Perdagangan PTSB. Pelbagai aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK) yang menarik dan mencabar telah dilaksanakan bagi membina keyakinan dan kerjasama para peserta.

Tujuan program ini diadakan, adalah untuk membantu para pelajar meningkatkan motivasi untuk penambahbaikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) supaya lebih berkesan. Selain itu, program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pencapaian akademik dan seterusnya membantu pelajar dalam menguruskan masa secara berkualiti dan efektif.

Melalui program ini, semua peserta memperoleh ilmu baharu berkaitan teknik pengurusan psikologi dalam proses PdP. Selain itu, program ini juga dapat memotivasikan pelajar untuk memperbaiki pencapaian akademik dengan membantu mereka menguruskan persepsi negatif dan stress dalam pengurusan pembelajaran.

Diharapkan para pelajar dapat mengaplikasikan teknik pembelajaran yang lebih berkesan dan mengembalikan semangat mereka untuk memperbaiki pencapaian akademik pada masa akan datang.

PROGRAM ROAD 2 ULUL ALBAB 2.0

Oleh: NORAINI BINTI SULAIMAN

18-19 September 2024 -Pelaksanaan program PSH di Politeknik adalah berteraskan kepada empat matlamat utama iaitu menganjur dan menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (k-communities) dan juga sebagai platform bagi menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (up-skilling) dan melatih semula (re-skilling) untuk keperluan tenaga kerja setempat. Selain itu, program PSH juga menyediakan rangkaian strategik (strategic networking) untuk pengukuhan aktiviti sosio-ekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (stakeholder) serta menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.

Mutakhir ini, kesedaran dalam kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke institusi pendidikan berasaskan agama khususnya ke institusi tahfiz terpilih adalah sangat tinggi. Permintaan yang sangat tinggi ini memaksa penyedia perkhidmatan melaksanakan sistem tapisan untuk memastikan pelajar yang mendaftar adalah calon yang benar-benar berkelayakan. Justeru, program Road 2 Ulul Albab 2.0 ini diusahakan sebagai satu inisiatif kepada komuniti setempat untuk menyediakan anak-anak dengan teknik dan kaedah hafazan yang berkesan bagi membantu mereka mendapatkan tempat di institusi pilihan.

Melalui program ini, peserta didedahkan dengan kaedah menghafaz Al-Quran menggunakan teknik hafazan yang bersistematik dan berkesan. Peserta juga akan mendapat kesedaran tentang kepentingan menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup. Program ini juga diadakan bertujuan untuk menjadi medium pendedahan awal sebelum menduduki peperiksaan ke sekolah tahfiz dan ulul albab

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memberi impak yang positif kepada semua peserta. Semoga melalui usaha kecil ini dapat melahirkan generasi Al-Quran yang seimbang di dunia dan akhirat.





NATIONAL INVENTION & INNOVATION COMPETITION EXHIBITION AND ROBOT-SUMO 2024 (NICERS'24)

Oleh: Ts. FAIZATULHAIDA BINTI MD ISA

20 - 22 September 2024 - Program NATIONAL INVENTION & INNOVATION COMPETITION EXHIBITION AND ROBOT-SUMO 2024 (NICERS'24) merupakan acara dwi-tahunan yang dianjurkan oleh Unit Penyelidikan Inovasi dan Pengkomersialan (UPIK) di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). NICERS'24 merupakan penganjuran edisi keempat selepas kejayaan penganjuran edisi tahunan sebelum ini dan NICERS'24 menampilkan tiga kategori utama yang dipertandingkan iaitu Inovasi, Drone Challenge dan Pertandingan Robot-Sumo. Penganjuran NICERS'24 telah mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan daripada JPPKK. Ia juga turut menerima pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi penyertaan yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah. Jumlah penyertaan bagi NICERS'24 telah berjaya mengumpul sebanyak 58 Projek Inovasi, termasuk 15 *Idea Generation*, 50 *Drone Challenge* dan 90 Robot-Sumo dari pelbagai institusi pengajian tinggi, sekolah rendah dan menengah serta industri daripada seluruh Malaysia.

Penganjuran NICERS'24 turut meluaskan penglibatan daripada pihak industri sebagaimana penganjuran sebelum ini. Penglibatan pihak industri dalam penganjuran NICERS'24 adalah penting bagi memastikan jaringan kolaborasi yang berkesan antara dunia pendidikan dan industri. Penglibatan pihak industri sama ada sebagai panel juri ataupun peserta merupakan salah satu agenda nasional bagi mewujudkan jaringan kolaborasi yang proaktif bagi perkembangan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Objektif utama NICERS'24 adalah menyediakan platform bagi individu atau kumpulan mempamerkan hasil inovasi sebagai medium perkongsian umum serta mengenalpasti projek inovasi yang berpotensi untuk dilindungi hak cipta dan harta inteleknya yang mempunyai nilai pengkomersialan. Tema NICERS'24 adalah "Revolutionizing TVET with Technology", selaras dengan usaha kerajaan untuk membawa perubahan besar dalam bidang TVET melalui penerapan teknologi terkini. Tema ini juga bertujuan merangsang daya cipta dan inovasi dalam kalangan peserta serta menggalakkan penggunaan teknologi sebagai medium pengajaran dan pembelajaran.



Keseluruhannya, NICERS'24 berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan penganjuran yang cemerlang serta penyertaan yang memberangsangkan dari pelbagai institusi dan industri. Kolaborasi yang wujud antara institusi pendidikan dan industri melalui platform ini akan terus memacu perkembangan inovasi dalam TVET di masa hadapan.

MECHATRONIC ROBOTIC COMPETITION 2024

Oleh: SITI ARFAH BINTI ABD JALIL

24 September 2024 – Mechatronic Robot Competition 2024 (MERoC 24), sebuah pertandingan inovatif yang dianjurkan buat julung kalinya oleh Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Pertandingan ini secara tidak langsung telah berjaya mengetengahkan dan mengangkat bakat-bakat pelajar politeknik dalam bidang kejuruteraan mekatronik.



Pertandingan yang berlangsung dari 22 hingga 24 September ini melibatkan penyertaan dari lima politeknik, termasuk Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Politeknik Nilai (PNS), Politeknik Merlimau Melaka (PMM), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) serta tuan rumah iaitu Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Melalui dua kategori yang dipertandingkan iaitu Line Following Robot dan Obstacle Robot, peserta mempamerkan teknik kemahiran yang tersendiri dalam mereka bentuk dan menguji kemampuan membina serta memproses kod pengaturcaraan untuk mengendalikan objek robotik masing-masing.



Pemenang bagi kategori Line Following Robot ialah Politeknik Merlimau Melaka (PMM), diikuti oleh Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) dan Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), sementara PTSB berjaya mendominasi kategori Obstacle Robot dengan meraih dua kedudukan teratas.

MERoC 24 bukan hanya pertandingan robotik semata-mata tetapi berfungsi sebagai landasan penting dalam menyemai minat dan kemahiran pelajar dalam inovasi dan teknologi sekaligus menyokong agenda TVET yang semakin berkembang.





PAMERAN STEM DAN DEMONSTRASI ALATAN BERTEKNOLOGI DI SMK AIR MERAH 2024

Oleh: SITI ARFAH BINTI ABD JALIL

25 September 2024 - Pameran STEM yang berlangsung di SMK Air Merah, Kulim telah berjaya memupuk minat pelajar terhadap teknologi moden. Acara ini dimeriahkan dengan kehadiran pensyarah dan pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekatronik (JKM), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) yang menunjukkan demonstrasi robotik seperti *robot line following* dan *obstacle robot*.

Matlamat utama pameran ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar sekolah mengenai teknologi tinggi dan inovasi IoT. Para pelajar bukan sahaja melihat sendiri cara kerja robotik tetapi juga berpeluang berinteraksi untuk memahami konsep asas mekatronik dan penggunaannya. Pelajar sekolah yang terlibat memberikan respons positif dan menunjukkan minat untuk meneroka bidang STEM pada masa hadapan.

Melalui kerjasama antara SMK Air Merah dan PTSB, program ini berjaya memberi pendedahan bermakna kepada generasi muda untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi perkembangan teknologi yang pesat.



PROGRAM LIFE AND CAREER PATH


Oleh: TS. NOORUL AMILIN BINTI SAIPUDIN

29 September 2024 - Program *Life and Career Path* merupakan satu inisiatif yang bertujuan membantu pelajar dalam mengenal pasti potensi diri serta menyediakan mereka dengan kemahiran dan panduan penting bagi menghadapi cabaran kehidupan serta kerjaya selepas tamat pengajian. Program ini juga membantu pelajar membina sahsiah diri yang lebih mantap, disiplin yang tinggi, serta daya saing yang kukuh dalam dunia pekerjaan.

Program ini memberi tumpuan kepada empat aspek utama: mengenal pasti potensi diri, meningkatkan kemahiran insaniah, mempersiapkan pelajar untuk pasaran kerja, serta membangunkan jaringan profesional. Dengan bimbingan pakar industri, pelajar dapat belajar tentang teknik penulisan resume, cara menghadapi temu duga, serta etika tempat kerja, sambil membina rangkaian profesional yang boleh dimanfaatkan di masa hadapan.

Antara impak positif yang diperolehi daripada program ini termasuklah dari segi peningkatan pengetahuan pelajar mengenai kerjaya yang relevan dengan bidang pengajian mereka, peningkatan keyakinan diri dalam merancang kerjaya yang lebih efektif. Selain itu, melalui program ini juga pelajar dapat membuat persiapan mental dan fizikal yang lebih baik untuk menghadapi cabaran dunia kerja di samping meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan membantu mereka mencapai kejayaan dalam kehidupan dan kerjaya.

Program *Life and Career Path* telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya, memberikan manfaat besar kepada para pelajar dalam mengenal pasti potensi diri serta mempersiapkan mereka untuk cabaran kerjaya masa depan. Dengan pendedahan yang diperolehi, pelajar kini lebih yakin dan berdaya saing, bersedia untuk melangkah ke dunia pekerjaan dengan kemahiran insaniah yang lebih mantap dan jaringan profesional yang kukuh. Program ini diharapkan akan menjadi inspirasi kepada pelajar untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam kehidupan dan kerjaya mereka.





POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH
KULIM HI TECH PARK
09090, KULIM, KEDAH
www.ptsb.mypolycc.edu.my

e ISSN 2805-5128



9 772805 512002